



ANTARA barangan dan peralatan disita DBKL dalam tindakan khas pindah halangan terhadap penjaja warga asing di sekitar pusat Bandar Utara dan Taman Batu View, semalam. - Gambar Ihsan DBKL



DBKL serbu ‘pasar borong’ warga asing

Kuala Lumpur: Segelintir penjaja warga asing didapati masih berdegil apabila terus menjadikan tempat awam seperti ‘pasar borong’ di sekitar Bandar Utara dan Taman Baru View di sini.

Keadaan itu memaksa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan penguatkuasaan dengan menyita pelbagai barangan milik penjaja asing berkenaan pada kelmarin.

DBKL dalam satu kenyataannya di Facebook pada semalam berkata, menerusi tindakan khas itu, 10 tindakan sita dan pindah barangan dilakukan terhadap barangan dan peralatan penjaja

warga asing berkenaan.

Menurutnya, tindakan itu dilakukan mengikut Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Antara barangan yang disita termasuk payung lipat, sayur-sayuran, ikan, ayam hidup dan lain-lain,” katanya.

DBKL memaklumkan, barangan dan peralatan sitaan akan dihantar ke Setor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras.

Menurutnya, semua barangan berkenaan dibawa untuk didokumentasikan dan tindakan selanjutnya.